

## **Ulasan Buku/*Book Review***

*State-Led Modernization and the New Middle Class in Malaysia*  
oleh Abdul Rahman Embong. 2002. Basingstoke & New York: Palgrave.  
247 halaman. Ulasan oleh Abdul Halim Ali.

Penganalisis tentang kelas sosial pada zaman kontemporari dikusutkan lagi dengan pelbagai teori tentangnya. Marx dan Engels, sebagai contoh, memakai istilah "kelas menengah" dengan maksud yang berbagai-bagai. Malah, dikatakan bahawa analisis mereka tentangnya seperti tidak konsisten caranya. Engels menggunakan perkataan Jerman "*Mittelklasse*", yang pada waktunya itu maksudnya dalam Bahasa Inggeris sama dengan kelas menengah ataupun istilah Perancis "*bourgeoisie*", iaitu kelas-kelas yang memiliki harta, tetapi berbeza dengan bangsawan. Marx pula memperlihatkan variasi kelas ini yang membawa maksud "borjuis kecil", iaitu kelas atau lapisan yang tempatnya berada di antara kelas borjuis dengan kelas pekerja; manakala apabila beliau membicarakan nilai lebihan, dinyatakan bahawa penambahan jumlah kelas ini menjadi ciri penting dalam pengembangan kapitalisme. Satu hal lagi yang bermasalah pada penganalisis zaman ini ialah kedua-dua Marx dan Engels pada awal abad kesembilan belas tidak membezakan dengan sejelasnya akan pelbagai bahagian dan lapisan dalam kelas menengah itu sendiri. Namun, untungnya pula, para sarjana Marxis kemudiannya menumpukan perhatian mereka kepada beberapa aspek kelas menengah, seperti kecenderungan politiknya dalam konteks zaman yang berlainan.

Selain itu, sememangnya kedua-dua Marx dan Engels menganggap borjuis kecil itu semata-mata sebagai satu anasir konservatif dalam masyarakat. Bersama-sama lapisan sosial teratas dalam kelas menengah itu, yang Engels panggil lapisan kebangsawan buruh, lapisan menengah tersebut dikatakan sedia mengorbankan kepentingan kelasnya sendiri dengan cara menerima rasuah, yang menurut Lenin datang daripada hasil keuntungan penjajahan.

Oleh kerana masalah analisis kelas terjadi di beberapa peringkat, maka sebilangan sarjana Marxis telah periksa kembali teori asal Marx itu kerana ternyata bahawa sesungguhnya kelas menengah itu tidak luput, tidak seperti yang disangkakan oleh teori ortodoks yang menghujahkan bahawa polarisasi kelas tetap terjadi. Malah, keluputan itu menjadi satu keharusan dalam proses polarisasi tersebut.

Dalam konteks perselisihan antara kedua-dua kedudukan epistemologi analisis kelas antara Marx dan Weber khususnya, maka pengarang buku ini mencuba menanganinya dengan menggabungkan kedua-duanya itu pada tingkat operasionalisasi konsep kelas untuk dijadikan pedoman analisisnya. Hal ini menjadi mungkin kerana beliau menganggap bahawa kedua-dua teori yang

berselisihan itu dapat dimanfaatkan untuk dijadikan cara dan pedoman analisis berdasarkan gamatan empirikal.

Bertolak dari sini, dijelaskan oleh pengarang akan persoalan penyelidikannya dengan persis: Siapakah kelas menengah baru? Bagaimanakah ia muncul di Malaysia? Apakah ciri-ciri utama kelas sosial ini? Dan yang mempunyai kerelevanan kontemporari ialah apakah peranannya pada waktu-waktu Malaysia mengalami transformasi kini dan mendatang?

Dua bab pertamanya penuh dengan penghuraian yang tajam tentang perselisihan antar teori dan aplikasi empiris dalam analisis kelas. Pengarang telah menunjukkan kefahamannya yang jitu akan hadirnya masalah antara kedua-dua teori Marx dan Weber yang epistemologi masing-masing tidak mungkin “dijembatani”. Dalam dua arus lintang teori kelas ini, maka beliau menyatakan kedudukan teorinya sendiri. Resensi pengarang mengenai kecenderungan para pengkaji Malaysia tentang kelas turut mendorong beliau mengambil pendirian ketiga dengan cara mengintegrasikan dua aliran pemikiran tentang kelas menengah di Malaysia, terutama kelas menengah baru Melayu. Terdapat satu aliran yang mementingkan secara eksklusif peranan dan sifat asas kapitalisme itu sendiri yang dikatakan dapat menghuraikan pertumbuhan kelas menengah di Malaysia, sementara pemikiran kedua pula menghuraikannya melalui peranan negara Malaysia. Secara perbandingan, aliran pertama itu lebih tepat kerana sifat kapitalisme itu penting, malah asasi untuk mengerti negara dan politik dalam sesebuah masyarakat kapitalis. Sebaliknya aliran kedua, mencuba memahami negara dan politik, lebih-lebih lagi institusi negara itu sendiri sedangkan konteks kapitalis (baca ekonomi) itulah sebenarnya yang mampu menghuraikan kedua-dua kapitalisme dan sifat negara kerana tanpa konteks kapitalis, maka analisis demikian berkecenderungan sepihak, terkecil-kecilan dan diiringi bias ideologi, seperti halnya mendengar rakaman percakapan telefon di sebelah pihak sahaja. Di sini pengarang telah berhasil mengintegrasikan dua aliran pemikiran tersebut. Namun, akhir-akhirnya perlu juga ditunjukkan dalam proses dialektik itu bahwa di antara kedua-dua itu yang manakah asas.

Bagaimanakah kelas menengah baru Melayu muncul dalam tempoh tiga dasawarsa melalui transformasi yang pantas? Pengarang mengemukakan tesis kelas menengah “generasi pertama” yang dimaksudkannya mobiliti antar generasi. Yang menarik ialah huraian beliau tentang perubahan kelas ini daripada “kelas sendiri-sendiri” kepada “kelas untuk dirinya” yang berbeza transformasi tingkatnya dengan kelas-kelas lain. Inilah kali pertama analisis seperti ini dibuat dalam kajian stratifikasi sosial di Malaysia.

Satu bab membicarakan gagasan Melayu Baru yang sebenarnya mempunyai sejarahnya sendiri, sekalipun tersebar luas penggunaannya pada tahun-tahun 1990an. Lalu, pengarang mengusulkan supaya Melayu Baru dijadikan konsep penyelidikan dengan empat alasan yang tepat. Dari situ dihujahkannya tentang kebergunaan konsep tersebut sebagai rujukan kepada gerakan pemodenan dan kemajuan orang Melayu. Selain itu, kelebihan buku ini berbanding dengan karya-

karya lain yang menyentuh soal stratifikasi sosial di Malaysia ialah fokusnya di dua buah bandar di luar Lembah Kelang, iaitu Kota Bahru dan Kuala Terengganu. Kedua, berdasarkan data yang diperolehnya dari lapangan maka didapatinya bahawa kemunculan kelas menengah baru Melayu bukan semata-mata ciptaan negara, tetapi dihasilkan oleh dinamika kapitalisme itu sendiri. Malah sudah terdapat tanda-tanda bahawa sebilangan anggota kelas menengah baru Melayu mulai bebas daripada naungan negara.

Mereka yang menghadapi dilema sewaktu berwacana tentang kelas, khususnya apabila tersepit di antara Marx dengan Weber, boleh memanfaatkan daripada kapasiti dan daya sintesis dan juga kefahaman teori kelas pengarangnya di dalam dua bab pertama.

Abdul Halim Ali  
Kursi Nusantara  
Universiti Malaysia Sarawak (Unimas)  
Kota Samarahan  
Sarawak  
Malaysia